

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11/12/2018



DR. MAHATHIR MOHAMAD melancarkan i-Tegur sambil disaksikan oleh Zuraida Kamaruddin (tiga dari kanan), Mohamed Azmin Ali (kanan) dan Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah (dua dari kiri) dan Mohammad Mentek (dua dari kanan) pada Konvensyen Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Putrajaya, semalam. - BERNAMA

Tidak ada pilihan raya PBT - Dr. M

Um - 11/12/2018
m/s: 3

Oleh YULPISMAN ASLI
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 10 Dis. - Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, pilihan raya pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak akan diadakan kerana ia berkemungkinan boleh mewujudkan konflik perkauman dan menghasilkan keputusan yang salah antara bandar dan luar bandar.

"Kita tidak mahu perkara itu terjadi, tiada pilihan raya PBT," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Pemerkasaan PBT di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Perumahan

dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, timbalannya, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah dan Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Seri Mohammad Mentek.

Penegasan Dr. Mahathir itu sekali gus 'menutup' kenyataan Zuraida dalam konvensyen tersebut bahawa pihak kementerian sedang mengkaji secara terperinci mengenai kebolehlaksanaan pilihan raya PBT.

Pelaksanaan pilihan raya PBT banyak diperjuangkan oleh parti DAP. Malah DAP Selangor dalam konvensyennya semalam meluluskan resolusi berhubung perkara tersebut.

Terdahulu dalam ucapan beliau, Perdana Menteri mengingatkan anggota dan pegawai PBT di seluruh negara agar

tidak menyalahgunakan kuasa termasuk melewatkan urusan pemprosesan permohonan memandang ia adalah permulaan rasuah dalam kerajaan.

Menurut beliau, sekiranya amalan itu tidak dibendung, ia akan berkembang hingga seluruh pentadbiran terlibat dalam gejala rasuah sekali gus menyebabkan pembangunan negara tidak dapat dilakukan seperti yang diharapkan oleh rakyat.

"Kalau kita salah guna kuasa, sudah tentu masyarakat akan menerima beban yang amat berat. Segala kos akan meningkat kerana tiap perkara yang hendak dilakukan memerlukan belanja lebih untuk menyuap mulut yang terbuka-buka kerana mereka ingin dapat sesuatu bagi diri sendiri," katanya.